

27 NOV 1996

Reaksi-Formula One

TEKNOLOGI FORMULA ONE PERLU UNTUK INDUSTRI AUTOMOBIL

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Pakar-pakar kejuruteraan hari ini berkata teknologi berprestasi tinggi yang diperolehi dari litar Formula One perlu untuk meningkatkan industri automobil tempatan.

Mereka yang dihubungi Bernama hari ini berkata usaha melibatkan jurutera tempatan dalam teknologi itu juga akan mempercepatkan proses pemindahan teknologi pembuatan enjin yang canggih dan terkini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan melibatkan diri dalam perlumbaan Formula One bermula dengan penajaan pasukan Stewart Ford yang akan turut melibatkan jurutera tempatan.

"Di litar Formula One teknologi terkini diuji terutamanya yang berkaitan ketahanan dan keberkesanan enjin," kata Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanik Universiti Malaya Profesor Madya Dr Masjuki Hassan di sini.

Katanya, penglibatan jurutera tempatan dalam perlumbaan itu turut memberi pendedahan yang tidak ternilai kepada mereka terutamanya dalam aspek rekabentuk enjin dan teknologi bahan yang digunakan.

Pensyarah Kejuruteraan Universiti Pertanian Malaysia Profesor Madya Dr Shahnor Basri pula menjelaskan masanya telah tiba untuk jurutera tempatan merekabentuk enjin kereta berteknologi tinggi supaya kebergantungan negara terhadap pakar asing berkaitan pemindahan teknologi dapat dikurangkan.

Menurut beliau, Malaysia mempunyai kepakaran yang cukup untuk mendapatkan teknologi itu sehingga tahap 100 peratus jika ada kemahuan dan peluang.

"Kita patut kembangkan industri automobil negara supaya tidak hanya memasang enjin yang dikeluarkan negara asing," katanya merujuk kepada industri permotoran yang diceburi Proton dan Perodua.

Bagaimanapun beliau sependapat dengan Dr Masjuki iaitu bilangan pelajar kejuruteraan terutamanya dalam bidang automotif harus ditingkatkan bagi menampung bilangan tenaga mahir dalam industri itu.

Sementara itu seorang pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM) cawangan Skudai yang tidak mahu dinamakan, ketika dihubungi berkata kepakaran tempatan selama ini belum teruji dan peluang bekerja dengan jurutera Formula One pasti memberi manfaat.

"Kita harus akui bahawa kita belum mempunyai teknologi membuat enjin," katanya yang turut terlibat dalam pembuatan kereta lumba Formula "M" keluaran UTM baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau berharap cadangan kerajaan melibatkan jurutera tempatan dalam pasukan yang akan ditaja itu menjadi kenyataan supaya cita-cita negara untuk menjadi antara pemimpin teknologi automobil dunia tercapai. -- BERNAMA

HJ WAT